

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING  
[ PENAMPANG ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2021 ( KHAMIS )**

**SOALAN**

**DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status permohonan membekal vaksin Sinopharm ke Sabah oleh Syarikat Kanger International Berhad dan adakah kebenaran telah diperoleh daripada agensi National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA).

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan tidak pernah menerima sebarang permohonan rasmi daripada syarikat Kanger International untuk pembekalan vaksin jenis Sinopharm kepada Kerajaan Negeri Sabah.
2. Berdasarkan semakan dengan pihak Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), vaksin Sinopharm telah diluluskan pendaftarannya oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah pada 16 Julai 2021 dan *Product Registration Holder* (PRH) adalah syarikat Duopharma (M) Sdn. Bhd.
3. Dalam hal ini, syarikat Kanger International hendaklah mengemukakan permohonan untuk membekalkan vaksin Sinopharm kepada Kerajaan Negeri Sabah dengan syarikat Duopharma (M) Sdn. Bhd. jika mereka berhasrat untuk berbuat demikian.
4. Semakan dalam rekod NPRA juga mendapati pihaknya tidak pernah menerima permohonan daripada Syarikat Kanger International Berhad untuk pendaftaran vaksin Sinopharm.

Sekian, terima kasih.